



23 April 2015  
23 April 2015  
P.U. (A) 79

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERINTAH KAWALAN HARGA DAN ANTIPENCATUTAN (PENANDAAN CAJ PERKHIDMATAN BAGI HOTEL DAN RESTORAN) 2015

#### *PRICE CONTROL AND ANTI-PROFITEERING (MARKING OF SERVICE CHARGE FOR HOTEL AND RESTAURANT) ORDER 2015*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA KAWALAN HARGA DAN ANTIPENCATUTAN 2011

PERINTAH KAWALAN HARGA DAN ANTIPENCATUTAN  
(PENANDAAN CAJ PERKHIDMATAN BAGI HOTEL DAN RESTORAN) 2015

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 10 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 [*Akta 723*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penandaan Caj Perkhidmatan bagi Hotel dan Restoran) 2015**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Mei 2015.

**Tafsiran**

2. Dalam Perintah ini—

“caj perkhidmatan”, berhubung dengan suatu hotel atau restoran, ertinya apa-apa fi atau amaun yang dicajkan ke atas pelanggan bagi perkhidmatan yang disediakan oleh pekerja hotel atau restoran itu sama ada dalam bentuk caj perkhidmatan, fi perkhidmatan, tip atau selainnya tidak kira bagaimana jua sekalipun diperihalkan;

“hotel” ertinya mana-mana premis, termasuk rumah inapan, rumah tumpangan, rumah rehat dan rumah penginapan yang menawarkan penginapan untuk disewa atau untuk apa-apa bentuk ganjaran yang lain, sama ada makanan atau minuman juga disediakan atau tidak;

“restoran” ertinya mana-mana premis di mana makanan atau minuman disediakan dan dihidang kepada pelanggan.

### **Penandaan caj perkhidmatan**

3. (1) Mana-mana pemilik, pengurus atau pengendali sesuatu hotel atau restoran yang mengenakan caj perkhidmatan hendaklah menandakan caj perkhidmatan itu seperti yang berikut:

- (a) jika harga barangan atau caj bagi perkhidmatan yang ditentukan oleh pemilik, pengurus atau pengendali hotel atau restoran itu tertakluk kepada caj perkhidmatan, dengan menggunakan ungkapan “SEMUA HARGA ATAU CAJ TERTAKLUK KEPADA \_\_\_% CAJ PERKHIDMATAN”; atau
- (b) jika harga barangan atau caj bagi perkhidmatan yang ditentukan oleh pemilik, pengurus atau pengendali hotel atau restoran itu termasuk caj perkhidmatan, dengan menggunakan ungkapan “SEMUA HARGA ATAU CAJ TERMASUK \_\_\_% CAJ PERKHIDMATAN”.

(2) Pemilik, pengurus atau pengendali hotel atau restoran itu hendaklah memasukkan peratusan caj perkhidmatan yang dikenakan dalam ungkapan yang disebut dalam subsubperenggan (1)(a) atau (b), mengikut mana-mana yang berkenaan.

(3) Tanda yang menggunakan ungkapan yang disebut dalam subsubperenggan (1)(a) atau (b) hendaklah dipamerkan di pintu masuk hotel atau restoran, atau di mana-mana tempat lain yang mudah dilihat di hotel atau restoran itu.

(4) Ungkapan yang disebut dalam subsubperenggan (1)(a) atau (b) hendaklah—

- (a) dalam bahasa kebangsaan atau dalam bahasa kebangsaan yang diikuti dengan terjemahan ungkapan itu dalam mana-mana bahasa lain; dan

(b) ditulis tangan atau dicetak dengan huruf besar dengan ketinggian penghurufan yang tidak kurang daripada lima sentimeter.

(5) Mana-mana pemilik, pengurus atau pengendali hotel atau restoran yang tidak mematuhi subperenggan (1), (2), (3) atau (4) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit.

Dibuat 23 April 2015  
[KPDN(BUU)PU2/26/5/81; PN(PU2)695/IX]

DATO' SRI HASAN BIN MALEK  
*Menteri Perdagangan Dalam Negeri,  
Koperasi dan Kepenggunaan*

PRICE CONTROL AND ANTI-PROFITEERING ACT 2011

PRICE CONTROL AND ANTI-PROFITEERING  
(MARKING OF SERVICE CHARGE FOR HOTEL AND RESTAURANT) ORDER 2015

IN exercise of the powers conferred by section 10 of the Price Control and Anti-Profiteering Act 2011 [*Act 723*], the Minister makes the following order:

**Citation and commencement**

1. (1) This order may be cited as the **Price Control and Anti-Profiteering (Marking of Service Charge for Hotel and Restaurant) Order 2015**.

(2) This Order comes into operation on 1 May 2015.

**Interpretation**

2. In this Order—

“service charge”, in relation to a hotel or restaurant, means any fee or amount which is charged on a customer for the services provided by the employees of the hotel or restaurant whether in the form of a service charge, service fee, tip or otherwise howsoever described;

“hotel” means any premises, including inns, boarding-houses, rest-houses and lodging houses which offer lodging for hire or any other form of reward, whether or not food or beverages are also offered;

“restaurant” means any premises where food or beverages are prepared and served to a customer.

### **Marking of service charge**

3. (1) Any owner, manager or operator of a hotel or restaurant who imposes a service charge shall mark the service charge as follows:

(a) if the prices of goods or charges for services determined by the owner, manager or operator of the hotel or restaurant are subject to a service charge, by using the expression “ALL PRICES OR CHARGES ARE SUBJECT TO \_\_\_\_% SERVICE CHARGE”; or

(b) if the prices of goods or charges for services determined by the owner, manager or operator of the hotel or restaurant are inclusive of a service charge, by using the expression “ALL PRICES OR CHARGES ARE INCLUSIVE OF \_\_\_\_% SERVICE CHARGE”.

(2) The owner, manager or operator of the hotel or restaurant shall insert the percentage of the service charge imposed in the expression referred to in subsubparagraph (1)(a) or (b), as the case may be.

(3) The mark using the expression referred to in subsubparagraph (1)(a) or (b) shall be displayed at the entrance of the hotel or restaurant, or at any other conspicuous place at the hotel or restaurant.

(4) The expression referred to in subsubparagraph (1)(a) or (b) shall be—

(a) in the national language or in the national language followed by a translation of the expression in any other language; and

(b) handwritten or printed in capital letters with the height of lettering of not less than five centimetres.

(5) Any owner, manager or operator of a hotel or restaurant who fails to comply with subparagraph (1), (2), (3) or (4) commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding one hundred thousand ringgit.

Made 23 April 2015  
[KPDN(BUU)PU2/26/5/81; PN(PU2)695/IX]

DATO' SRI HASAN BIN MALEK  
*Minister of Domestic Trade,  
Co-operatives and Consumerism*